

FRI usaha biak spesies bernilai tinggi

4M 05/08/23 n/s 2

Jelebu: Dalam usaha memastikan spesies ikan kalyangan ini terus hidup dan tidak pupus, Institut Penyelidikan Perikanan Air Tawar (FRI) Glami Lemi di Titi, Jelebu, Negeri Sembilan berperanan dalam membangunkan baka bagi spesies bernilai tinggi ini.

Spesies dihasilkan melalui teknik akuakultur ini dapat mengurangkan kebergantungan pengguna kepada sumber liar.

Pegawai Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Air Tawar Glami Lemi, Muhamad Zudaidy Jaapar berkata, penyelidikan terhadap ikan air tawar membabitkan beberapa spesies seperti kelah, patin buah, krai, temoleh dan baung perlu dilakukan berterusan berikutan permintaan tinggi di pasaran.

"Kebanyakan ikan yang menjadi penghuni asal sungai sekitar negeri Pahang mempunyai harga 'menggerunkan' di pasaran, apatah lagi jika ditangkap secara semula jadi.

"Beberapa spesies ikan yang dibiak di FRI Glami Lemi akan dilepaskan ke habitat semula jadi di beberapa sungai berhampiran

pada waktu tertentu dan bergantung kepada penghasilan anak ikan daripada telur induk ikan," katanya.

Muhamad Zudaidy berkata, penyelidikan terhadap ikan yang diancam kepupusan seperti ikan temoleh perlu dilakukan secara berterusan berikutan spesies ini disenaraikan jarang didapati oleh Kesatuan Antarabangsa Bagi Pemuliharaan Alam Semulajadi (IUCN).

Menurutnya, usaha itu perlu dilakukan secara berterusan dan serius bagi memastikan spesies ikan berkenaan terus wujud di sungai tempatan.

"Faktor harga yang tinggi menjadi penyebab ikan berkenaan semakin sukar diperolehi. Namun saya percaya kaedah biak dan lepas akan dapat memastikan generasi ikan ini terus kekal di habitat asal sekali gus memastikan kelestarian ikan asli sungai tempatan," katanya.

Menurutnya, FRI Glami Lemi akan menjadi 'Bank Genetik' ikan sungai asli bagi negara apatah lagi FRI Glami Lemi adalah satu-satunya pusat penyelidikan ikan air tawar di negara ini.